



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

LIMA PROGRAM UTAMA SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA SEDUNIA

PUTRAJAYA, 4 Februari 2025 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ingin mengucapkan Selamat Menyambut Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia kepada seluruh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya. **Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia atau World Interfaith Harmony Week (WIHW)** merupakan acara tahunan disambut pada **minggu pertama bulan Februari setiap tahun** yang telah diiktiraf dalam resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 Oktober 2010.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menyatakan “sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi prinsip **"Harmoni Dalam Kepelbagaian"**, kita mesti bekerjasama untuk memperkukuh ikatan antara agama, etnik, dan budaya. Keharmonian bukanlah satu keadaan yang wujud secara automatik, tetapi memerlukan usaha berterusan daripada semua pihak untuk mengekalkannya. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menjadi ejen perubahan dalam membina Malaysia MADANI yang aman, damai, dan sejahtera”.

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian. Kita mempunyai masyarakat yang menganut pelbagai agama dan kepercayaan. Keunikan ini, sekiranya dijaga dengan betul, boleh menjadi kekuatan yang membentuk identiti negara kita. **"Faham, Hormat, Terima"** adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat, bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama dan budaya boleh digabungkan untuk mencipta satu negara yang benar-benar harmoni.

Untuk memastikan keharmonian antara agama terus dipertingkatkan, beberapa langkah perlu diberi perhatian dan dititikberatkan oleh semua pihak. **Dialog yang konstruktif antara penganut agama adalah cara terbaik untuk meningkatkan pemahaman dan mengurangkan ketegangan.** Menteri Perpaduan Negara mencadangkan agar lebih banyak forum antara agama dianjurkan di pelbagai peringkat, melibatkan tokoh agama, akademik, pemimpin masyarakat, serta golongan muda. Sesi dialog ini penting bagi memecahkan tembok prasangka yang wujud akibat ketidaktahuan.

Sebagai langkah untuk menyemarakkan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada inisiatif yang memperkukuh keharmonian antara agama. Antara program yang akan diadakan sempena sambutan ini termasuklah **Jejak Harmoni Metasemesta (14 – 16 Februari 2025)**, **Perarakan Harmoni (15 dan 16 Februari 2025)**, **Program Jejak Harmoni (15 Februari 2025)**, **Dialog Harmoni (16 Februari 2025)** dan **Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI (19 Februari 2025)**.

Keharmonian antara penganut agama merupakan satu tonggak penting dalam usaha kita mewujudkan negara yang sejahtera. Ia bukanlah sesuatu yang datang dengan sendirinya, tetapi ia memerlukan usaha yang berterusan daripada setiap lapisan masyarakat, terutamanya pemimpin agama, untuk memastikan prinsip toleransi dan saling menghormati ditegakkan dalam kehidupan seharian.

Dalam usaha ini, kita perlu memastikan bahawa perbezaan agama tidak menjadi penghalang kepada hubungan baik antara satu sama lain. Sebaliknya, kita harus memupuk sikap saling menghormati dan menghargai kepercayaan agama masing-masing. Keharmonian tidak boleh tercapai jika kita hanya bertoleransi secara pasif, tetapi ia memerlukan komitmen aktif untuk membina hubungan yang kukuh antara komuniti agama, agar kita dapat hidup berdampingan dengan penuh keharmonian.

Kita harus meletakkan keharmonian sebagai keutamaan, kerana dengan itu sahaja negara kita dapat mencapai kemajuan yang sebenar.

Kementerian Perpaduan Negara

4 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (4)